

DATE: 07/09/2007

# Permulaan pupuk nilai murni dari rumah: PM

## Didikan, asuhan betul mampu bina sahsiah generasi muda

Oleh Shamsul Azree Samshir dan Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengajak rakyat supaya menanam nilai murni dan integriti dalam diri mereka sepanjang masa, bermula dengan asuhan di rumah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu menjadikan integriti bukan hanya sebagai perkataan, tetapi idea atau satu sistem nilai yang mesti selama-lamanya dipegang dalam diri serta diamalkan.

"Pada saya, yang penting apabila bercakap mengenai integriti ialah ia mesti bermula di rumah dan daripada keluarga.

"Ketika kecil lagi anak diajar jangan bercakap bohong, amanah, berdisiplin, ikut peraturan, diajar kasih sayang, tolong menolong, bantu membantu dan nilai lain yang boleh membina sahsiah daripada muda dan remaja," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama pada Konvensyen Integriti Nasional 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM), Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Konvensyen sehari bertemakan 'Integriti Pemacu Malaysiaku Gemilang' itu adalah yang pertama kali dianjurkan dan dihadiri lebih 1,200 peserta daripada pelbagai segmen masyarakat.

Selain lima bengkel, sidang plenari mengisi program konvensyen dengan disertai Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil serta Mohd Sidek yang membentangkan kertas kerja masing-masing.

Konvensyen itu turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara IIM dengan Mimos Bhd, Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kemuncak program, 21 Resolusi Putrajaya diumumkan oleh Senator



**JALIN KERJASAMA:** Abdullah menyaksikan pertukaran MoU antara Musa dan Sidek pada Konvensyen Integriti Nasional 2007 di PICC, semalam.

Tan Sri Jins Shamsudin sebelum ucapan Abdullah.

Perdana Menteri berkata, didikan atau asuhan diberi ibu bapa di rumah akan menjadikan anak mereka sebagai insan memiliki pekerti baik.

"Jika didikan ini diberi dengan bersungguh-sungguh oleh ibu bapa, maka anak akan menjadi baik. Ibu

**“Jika didikan diberi dengan bersungguh-sungguh oleh ibu bapa, maka anak akan menjadi baik. Ibu bapa juga mesti baik..”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

bapa mesti juga baik... jangan jadi ketam yang mengajar anak berjalan lurus sedangkan dia sendiri berjalan senget," katanya.

Abdullah berkata, beliau kali ini mahu memberi tumpuan dan bercakap mengenai soal diri.

"Dulu saya bercakap mengenai sistem penyampaian awam, berkaitan rasuah, disiplin dan peraturan... Banyak kali dah cakap jadi hari ini saya ingin cakap pasal diri.

"Yang bantah dan yang menyeleweng semuanya berpunca daripada diri kita sendiri sedangkan peraturan yang banyak itu adalah untuk memperkuatkan dan memperbetulkan manusia.

"Semua itu termasuk pindaan undang-undang dan peraturan adalah untuk menjadikan kita orang baik," katanya sambil menambah setiap individu perlu bertanya diri sendiri apakah perkara yang dilakukan betul.

Perdana Menteri berkata, tumpuan membangunkan modal insan bukan hanya melahirkan individu berpendidikan tinggi tapi memiliki nilai atau norma terpuji.

Sementara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpuas hati dengan draf Suruhanjaya Bebas Salah Laku dan Aduan Polis (IPCMC) yang merangkumi sebahagian daripada cadangan dikemukakan PDRM.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata polis tidak menolak pelaksanaan IPCMC sebaliknya bersetuju badan khas diperlukan untuk memantau tugas polis supaya siasatan adil dapat dilakukan.

"Kita tidak membantahnya. Pada saya, jika mahu memperbaiki keadaan, kita perlu ada badan khas mengawasi atau mengawal selia, jadi aduan akan dikemukakan kepada badan khas serta ada proses adil dalam siasatan," katanya pada sidang media di sini, semalam.